

NO. SOALAN: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. EWON BIN EBIN [RANAU]

TARIKH : 7 MAC 2017

RUJUKAN : 9788

SOALAN :

Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) apakah kekangan yang dihadapi oleh pihak Kerajaan dan jawatankuasa teknikal pengurusan warga asing (yang dibentuk susulan penemuan suruhanjaya siasatan diraja mengenai pendatang tanpa izin di Sabah) untuk melaksanakan pelan tindakan yang dirumuskan oleh suruhanjaya tersebut; dan
- (b) adakah pihak Kerajaan bersedia untuk mendaftarkan semula penduduk negeri Sabah dan mengeluarkan kad pengenalan yang baru selaras dengan rumusan RCI ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Menyusuli pengumuman hasil dapatan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah pada 03 Disember 2014, Kerajaan telah mengambil tindakan susulan untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang terbahagi kepada dua tier iaitu Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Induk) dan Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Teknikal). Kedua-dua Jawatankuasa ini sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mengatasi sebarang kekangan dan isu-isu berbangkit bagi melaksanakan pelan tindakan yang dirumuskan oleh Suruhanjaya.

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan pendaftaran semula dan mengeluarkan Kad Pengenalan Khas kepada rakyat Sabah pula, Kerajaan mengambil maklum bahawa cadangan tersebut perlu ditangani secara berhemah kerana adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan juga untuk memastikan bahawa apa jua pelaksanaan cadangan tidak akan menggugat keselamatan, ketenteraman awam, kelangsungan dan kesejahteraan rakyat Sabah serta keluhuran perundangan. Oleh itu, berkaitan kesediaan Kerajaan untuk melaksanakan pendaftaran balik dan pengeluaran Kad Pengenalan Khas untuk rakyat Sabah, sebarang tindakan

**Kerajaan mengenainya akan mengambil kira pandangan
JKPWAS-Induk dan peruntukan undang negara.**